

**300 Ahli PKR Cabang Semporna Keluar Parti
Bernama
26 April, 2013**

SEMPORNA, 26 April (Bernama) -- Seramai 300 ahli cabang Parti Keadilan Rakyat (PKR) Semporna bertindak keluar parti selepas hilang keyakinan terhadap pucuk pimpinan yang didakwa gagal memperjuangkan konsep keadilan.

Timbalan Ketua Cabang PKR Semporna, Mohd Jakarah Asmad mengisytiharkan mereka keluar PKR dan menyertai Umno dan menyerahkan borang keahlian kepada Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

"Kami bertindak keluar kerana hilang keyakinan terhadap pucuk pimpinan yang tidak mendukung konsep keadilan yang kononnya menjadi asas perjuangan mereka sejak ia ditubuhkan. Saya tidak nampak bagaimana ia boleh berlaku adil kerana dalam soal pemilihan calon pilihan raya pun mereka tidak berlaku adil kepada ahlinya sendiri dengan mengeneplikannya dan meletakkan calon luar yang tidak pernah buat apa-apa.

"Kami juga keluar kerana manifesto BN yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menjurus ke arah kebaikan dan memberi banyak manfaat kepada rakyat. Tiada sebab untuk kami menolaknya," katanya ketika berucap pada majlis pengumuman keluar parti di sini Jumaati.

Beliau turut mengumumkan beberapa ranting PKR dalam cabang Semporna turut dibubarkan.

"Ranting yang dibubarkan ialah ranting saya sendiri iaitu Kubang Pinang, Pukas Atas, Bait, Umadal, Terusan dan ada lagi beberapa ranting yang memaklumkan pada saya bahawa mereka akan bubar," katanya.

Sementara itu Mohd Shafie yang juga calon Barisan Nasional bagi kerusi Parlimen Semporna menyambut baik tindakan keluar PKR itu.

"Rupanya PKR bukan mengamalkan keadilan. Mereka kurang konsisten dan tidak menepati janji sehingga ramai ahlinya keluar.

"Semakin ramai ahli PKR keluar daripada parti itu termasuk mereka yang mengasaskannya dan menyertai BN, bukan saja di Semporna tetapi di seluruh negara," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945476>